

10 AUG 2003

Mahathir-MCA

DR MAHATHIR PUJI MCA DAPAT SELESAIKAN MASALAH SEBELUM PILIHAN RAYA

KUALA LUMPUR, 10 Ogos (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari berkata beliau gembira MCA dapat menyelesaikan masalah dalaman parti itu dengan caranya yang tersendiri dan ianya dicapai sebelum pilihan raya diadakan.

"Saya kagum dengan cara MCA menyelesaikan masalah dengan begitu bijak sekali dan sekarang MCA kembali bersatu," kata Perdana Menteri semasa merasmikan Perhimpunan Agung MCA ke-50 di Wisma MCA di sini.

Dr Mahathir, yang juga Pengerusi Barisan Nasional (BN), berkata walaupun terdapat segelintir yang masih tidak berpuas hati, beliau percaya mereka akhirnya akan menerima perpaduan yang diusahakan oleh MCA.

Sambil memuji bekas Presiden MCA Datuk Seri Dr Ling Liong Sik dan bekas Timbalan Presiden MCA Datuk Lim Ah Lek yang melepaskan jawatan masing-masing demi kepentingan parti, beliau berkata tindakan mereka adalah pengorbanan yang mulia.

Dr Ling dan Lim, yang hadir pada perhimpunan agung itu, melepaskan jawatan pada 23 Mei lepas dan masing-masing digantikan oleh Datuk Seri Ong Ka Ting dan Datuk Chan Kong Choy dalam peralihan pucuk pimpinan yang berjaya menyelesaikan masalah parti. Sebelum itu, MCA terbahagi kepada dua puak -- satu menyokong Dr Ling dan satu lagi memihak kepada Lim.

"Lupakan perkara yang berlaku...tidak guna simpan dalam hati," kata Dr Mahathir yang turut menekankan pentingnya MCA bersatu sebagai parti yang mewakili kaum Cina dalam BN.

Beliau menyatakan keyakinan terhadap kemampuan Ong, yang juga Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, dan Chan, yang menggantikan Dr Ling sebagai Menteri Pengangkutan, untuk memimpin MCA.

"Saya lihat pemimpin baru MCA bekerjasama dengan baik, juga saya dapat lihat perhubungan yang rapat antara Ong dan Chan," katanya.

Sambil menyatakan bahawa MCA dan Umno sebagai rakan yang rapat, beliau berkata apabila MCA menghadapi masalah, Umno turut merasainya.

"Apabila MCA sakit, Umno demam dan Barisan Nasional pening kepala. Apabila Umno sakit, MCA demam dan kita semua pening kepala," katanya sambil menggamatkan dewan yang dihadiri 2,000 anggota perwakilan.

Turut hadir Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, pemimpin parti-parti komponen BN serta pemimpin veteran MCA termasuk presiden seumur hidup Tan Sri Lee San Choon.

Dr Mahathir turut menyatakan rasa terhutang budi Umno kepada MCA yang telah membantu "Umno Baru" kembali ke dalam BN pada tahun 1987.

Dr Ling, yang pada masa itu menjadi pengerusi BN, menerima masuk Umno Baru, yang wujud setelah Umno diisytihar tidak sah oleh mahkamah.

Katanya ini menunjukkan kerjasama dan hubungan yang rapat antara kedua-dua parti yang telah bekerjasama sejak tahun 1955 dan bersama-sama bertanggungjawab menubuhkan Perikatan, kemudiannya BN.

Dr Mahathir turut menggesa MCA mempererat hubungan dengan parti-parti komponen BN yang lain terutama Gerakan dalam menghadapi pilihan raya.

Sambil menyifatkan Gerakan sebagai 'adik' kepada MCA, Perdana Menteri berkata : "Abang (MCA) tentulah sayang adik (Gerakan), adik pula janganlah buat kacau."

Pada sidang media kemudiannya, Dr Mahathir yang diminta menghuraikan kenyataan itu, menjelaskan beliau hanya berseloroh dan mengatakan kedua-dua parti itu tidak mempunyai masalah.

Mengenai pilihan raya, Dr Mahathir berkata bahawa apabila BN menentukan

calon-calonnya dan kawasan mereka bertanding, soal siapa jadi calon tidak timbul lagi.

"Sama ada calon itu Melayu, Cina, India, Kadazan dan sebagainya, mereka adalah calon-calon BN," katanya.

Dr Mahathir juga berkata pakatan pembangkang sama sifatnya dengan "berkhalwat" dan menyamakan kerjasama parti-parti pembangkang itu sebagai seorang lelaki yang berpakaian kemas dan cantik di hadapan sahaja tetapi di belakangnya kosong.

"Depan mereka berpakat tetapi di belakang, (PAS akan usaha) macam mana nak kalahkan DAP, (DAP juga akan usaha) macam mana nak kalahkan PAS dan sebagainya," katanya.

Sebaliknya, Dr Mahathir berkata kesanggupan parti-parti anggota BN untuk berkorban sebahagian daripada tuntutan kerana berpegang pada konsep bahawa "sebahagian daripada habuan itu lebih baik daripada tidak ada langsung", menjadi formula kejayaan negara ini ke arah menjamin kestabilan, keamanan dan kemakmuran.

-- BERNAMA

HK AZZ MAI